

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Hospital Bera bakal dilengkapi dewan bedah

Bera: Satu dewan bedah dengan anggaran kos RM9 juta akan dibina di Hospital Bera bagi melengkapi kemudahan sedia ada di fasiliti kesihatan berkenaan, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, dewan bedah itu juga bakal berfungsi sebagai sokongan kepada perkhidmatan dewan bedah di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh yang sudah mencapai tahap optimum, sekali gus dapat meringankan beban hospital berkenaan pada masa akan datang.

Hospital Bera mempunyai kapasiti 40 katil dan boleh diperkembangkan hingga mampu menampung 60 katil pada masa hadapan. Ia juga bakal menyediakan perkhidmatan pesakit luar dan dalam, dianagistik dan rawatan, perkhidmatan sokongan perubatan dan bukan perubatan.

Berucap pada Majlis Perasmian Hospital Bera semalam, Khairy berkata, Hospital Bera yang diwujudkan pembinaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), mula beroperasi 1 Julai lalu dengan pembukaan 24 jam Unit Kecemasan dan Trauma serta Pusat Penilaian.

Katanya, Dewan Bersalin dan Unit Pesakit Dalam membabitkan Wad Bersalin dan Wad Kanak-Kanak pula dibuka pada 2 Ogos, manakala Wad Dewasa, Klinik Pakar dan perkhidmatan lain pula akan mula beroperasi mulai 1 Oktober hadapan.

Hospital Bera adalah Hospital Daerah Tanpa Pekar yang diletakkan di bawah Program Hospital Kluster Pahang Tengah dengan Hospital Jengka, Hospital Jerantut dan Hospital Bentong serta diterajui Hospital Sultan Haji Ahmad Shah sebagai hospital kluster utama. BERNAMA

Perjelas dasar, kejayaan kerajaan elak rakyat keliru

Penyebaran maklumat tepat tepis fitnah, kempen antikerajaan

Bera: Dasar kerajaan dan kejayaan pelaksanaannya perlu diperjelaskan kepada rakyat supaya mereka tidak keliru dengan fitnah dan kempen antikerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, penjelasan mengenai kedua-dua perkara itu juga seharusnya dipertingkatkan supaya rakyat mendapat maklumat tepat.

Katanya, program seperti Jom Masuk Kampung antara platform sangat baik untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai dasar kerajaan, selain mampu merapatkan silaturahmi penduduk selari dengan aspirasi Keluarga Malaysia.

"Banyak dasar diumumkan kerajaan dan kejayaan yang dicapai kerajaan, tetapi apabila ia tidak dijelaskan kepada rakyat, rakyat keliru, terutama apabila ada kempen antikerajaan atau pelbagai fitnah (terhadap kerajaan)."

"Ini boleh menyebabkan rakyat keliru dan mereka (rakyat) tidak boleh dipersalahkan apabila keliru kerana informasi tidak sampai kepada mereka," katanya berucap merasmikan Program Jom Masuk Kampung dan Hari Potensi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Daerah Bera 2022, di sini semalam. Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Datuk Ram-



Ismail Sabri mengadakan lawatan ke wad kanak-kanak selepas merasmikan Hospital Daerah Bera, semalam. (Foto BERNAMA)

lan Harun; Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Mohamad Yasid Bidin dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Pahang, Datuk Seri Norlazzali Sulaiman.

Program tiga bermula pada 18 Ogos lalu, antara lain mengandungi penganjuran pelbagai aktiviti membabitkan penyertaan agensi kerajaan dan masyarakat setempat seperti hebahen program kerajaan, gotong-royong, ceramah agama, pertandingan sukan dan ziarah kasih.

KEMAS terima RM2.36 juta

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, sebanyak RM140 juta diperuntukkan khas oleh kerajaan untuk Program Bantuan Makanan Tambahan (PMBT) kanak-kanak Tabika dan Taska KEMAS seluruh negara tahun ini, yang memanfaatkan 225,281 murid Tabika dan 9,716 kanak-kanak Taska.

Di Pahang, katanya, KEMAS se-

cara keseluruhannya menerima peruntukan RM2.36 juta merangkumi peruntukan pembangunan dalam bidang kemahiran, pembangunan komuniti dan pendidikan awal kanak-kanak.

Ismail Sabri menegaskan, Tabika KEMAS adalah antara kejayaan kerajaan kerana ramai individu berjaya, termasuk pemimpin mula mendapat pendidikan awal di pusat bimbingan kanak-kanak berkenaan.

Disebabkan itu, katanya, kerajaan sentiasa menyokong pembangunan pendidikan Tabika KEMAS bagi memastikan kanak-kanak dapat belajar dalam situasi selesa.

"KEMAS antara satu daripada cerita kejayaan kerajaan. Ramai yang berjaya pada hari ini, yang menjadi pemimpin pada asalnya mendapat pendidikan awal di Tabika KEMAS, terutama mereka yang berasal dari luar bandar," katanya.

Sementara itu, beliau berkata,

empat Tabika KEMAS di daerah Bera yang terjejas akibat banjir awal tahun ini, selesai dibaiki dengan jumlah peruntukan hampir RM150,000.

Katanya, kerajaan sedang mengkaji cadangan membina Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM) Bera dan menaik taraf Pusat Komuniti KEMAS kepada Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM) KEMAS Bera dengan kos RM18.927 juta.

Cadangan itu akan dilaksanakan menerusi Rancangan Boleh Pinda ketiga tahun hadapan dan kewujudan pusat berkenaan diharap dapat menyediakan kemudahan tempat serta penginapan kepada peserta aktiviti KEMAS.

Ismail Sabri berkata, pendidikan adalah agenda utama kerajaan dan menjadi aspek paling dititikberatkan beliau sejak menjadi Ahli Parlimen Bera pada 2004 kerana pendidikan awal adalah permulaan kepada kejayaan lebih tinggi.

BERNAMA

Sedia tingkat peruntukan KKM dalam belanjawan

Bera: Kerajaan sedia memberi pertimbangan sewajarnya, termasuk meningkatkan peruntukan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) dalam Belanjawan 2023 yang dijangka dibentangkan Oktober nanti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ini kerana KKM antara kementerian penting yang berurusan secara terus dengan rakyat.

"Baru-baru ini, sewaktu mesyuarat penyelarasan projek pembangunan di bawah RMK-12 (Rancangan Malaysia Ke-12), saya dimaklumkan bahawa KKM perlu dibantu dalam bajet yang akan datang.

"Saya ingat lagi YBKJ (Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin) angkat tangan minta (naikkan peruntukan) lima peratus daripada GDP (Keluasan Dalam Negara Kasar). Sekarang ini 2.5 peratus, ada separuh lagi.

"Jadi tidak apalah. EPU (Unit Perancang Ekonomi) akan lihat perkara ini. Insya-Allah kalau tak tambah begitu drastik, sekurang-kurangnya akan ada sedikit pertambahan bajet (yang dibentangkan) tahun ini berbanding tahun-tahun sebelumnya," katanya.

Berucap merasmikan Hospital Bera di sini semalam, Perdana Menteri berkata, beliau mema-

hami keperluan KKM mendapatkan peruntukan tinggi kerana Malaysia akan menjadi negara tua pada 2040, sekali gus berhadapan dengan perbelanjaan kesihatan yang tinggi.

Bukti kesungguhan

Katanya, beliau juga menyedari negara tua lain meningkatkan bajet kesihatan masing-masing kerana terdapat pertambahan masuknya warga tua di hospital.

Ismail Sabri berkata, pembinaan Hospital Bera juga menjadi bukti kesungguhan dan komitmen kerajaan dalam membangun serta menyediakan kemudahan

kesihatan bagi Keluarga Malaysia menikmati perkhidmatan kesihatan yang baik dan berkualiti.

"Saya sempat meninjau perkembangan pembinaan hospital ini pada Oktober tahun lalu yang ketika itu sudah siap 98 peratus selepas terbengkalai sejak sekian lama akibat kegagalan kontraktor.

"Alhamdulillah, akhirnya hospital yang mula dibina pada 2010 berjaya disiapkan. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya dan pihak berkepentingan lain kerana bekerjasama merealisasikan pembinaan Hospital Bera ini," katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Almarhum Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah yang menjadi tulang belakang penting dalam merealisasikan pembinaan Hospital Bera.

"Almarhum Tuanku yang bertanggungjawab menjadikan hospital ini hari ini.

"Almarhum Tuanku kata 'saya selesaikan perkara ini', dan dalam masa tak sampai dua bulan Almarhum 'call' saya, beritahu Almarhum jumpa (Tan Sri) Dr Chua Soi Lek (bekas Menteri Kesihatan) dan akhirnya inilah sumbangan Almarhum," katanya.

BERNAMA

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : NASIONAL

Hospital Bera bakal dilengkapi dewan bedah RM9 juta

Sebagai sokongan perkhidmatan Dewan Bedah di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh

BERA

Sebuah dewan bedah dengan anggaran kos RM9 juta akan dibina di Hospital Bera bagi melengkapi kemudahan sedia ada di fasiliti kesihatan berkenaan, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau berkata, dewan bedah itu juga bakal bertindak sebagai sokongan kepada perkhidmatan dewan bedah di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh yang sudah mencapai tahap optimum sekali gus dapat meringankan beban hospital berkenaan pada masa akan datang.

"Hospital Bera mempunyai kapasiti 40 katil dan boleh diperkembangkan hingga mampu menampung 60 katil pada masa hadapan.

"Di samping itu, hospital ini juga bakal menyediakan perkhidmatan pesakit luar, pesakit dalam, diagnostik dan rawatan, perkhidmatan sokongan per-



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (empat dari kiri) mengadakan lawatan ke wad kanak-kanak selepas merasmikan Hospital Daerah Bera pada Sabtu. Beliau diiringi Khairy (dua dari kanan), Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun (lima dari kiri) dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (kanan).

ubatan serta perkhidmatan sokongan bukan perubatan," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Hospital Bera di sini pada Sabtu.

Khairy berkata, projek pembinaan Hospital Bera yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) mula beroperasi pada 1 Julai dengan pembukaan 24 jam Unit Kecemasan dan Trauma serta Pusat Penilaian.

Menurut beliau, Dewan Bersalin dan Unit Pesakit Dalam melibatkan Wad Bersalin dan

Wad Kanak-Kanak pula dibuka pada 2 Ogos, manakala Wad Dewasa, Klinik Pakar dan perkhidmatan lain pula akan mula beroperasi mulai 1 Oktober depan.

Khairy berkata, Hospital Bera merupakan Hospital Daerah Tanpa Pakar yang diletakkan di bawah Program Hospital Kluster Pahang Tengah dengan Hospital Jengka, Hospital Jerantut dan Hospital Bentong serta diterajui oleh Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh sebagai hospital kluster utama.

"Menerusi kluster ini, khidmat kepakaran seperti Kecemasan dan Trauma, Obstetrik dan Ginekologi, Perubatan Am, Psikiatri, Pediatrik dan Rehabilitasi akan dapat disediakan di Hospital Bera melalui konsep lawatan pakar mulai bulan depan," katanya.

Jelas beliau lagi, Hospital Bera juga dipilih sebagai fasiliti yang melaksanakan projek rintis bagi beberapa teknologi dan konsep kolaboratif, antaranya teknologi robotik dalam penyampaian perkhidmatan

penghantaran makanan dan sampel makmal serta pelaksanaan Sistem Pengurusan dan Pemerhatian Pesakit bagi pemantauan pesakit secara digital serta berpusat.

Selain itu, katanya, ia juga terlibat dalam projek rintis naik taraf jaringan tanpa wayar bagi memudahkan cara perawatan serta menyediakan akses internet kepada pesakit dan pelawat, serta usaha kolaboratif antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan Yayasan Kebajikan Negara di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menaik taraf kemudahan anjung pelawat demi kesejahteraan waris pesakit.

Khairy berkata, bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih menyeluruh di Bera, KKM akan melaksanakan Perkhidmatan Penyumberluaran Perkhidmatan Pergi Pesakit Luar bagi penduduk Bera di kawasan Bukit Mendi, Kemayan dan Tembangau dalam masa terdekat melibatkan kos perkhidmatan kira-kira RM1 juta.

Jelasnya, kerjasama awam dan swasta itu memberi manfaat kepada kira-kira 31,000 penduduk di tiga kawasan berkenaan yang ingin mendapatkan rawatan perigian asas seperti sapuan florida, penskaleran, tampalan, cabutan dan juga gigi palsu. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Bajet 2023: Timbang tambah peruntukan KKM

Perdana Menteri akui
Malaysia perlu perkukuh
perbelanjaan kesihatan
rakyat

BERA

Kerajaan sedia memberi pertimbangan sewajarnya termasuk meningkatkan peruntukan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) dalam Belanjawan 2023 yang dijangka dibentangkan Oktober nanti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, KKM merupakan antara kementerian penting yang berurusan secara terus dengan rakyat.

"Baru-baru ini, sewaktu mesyuarat penyelarasan projek pembangunan bawah RMK12 (Rancangan Malaysia Ke-12), saya dimaklumkan bahawa KKM perlu dibantu dalam bajet akan datang.

"Saya ingat lagi YB KJ (Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar) angkat tangan minta (naikkan peruntukan) lima peratus daripada GDP (KDNK). Sekarang ini, 2.5 peratus, ada separuh lagi.

"Jadi tidak apalah. EPU (Unit Perancang Ekonomi) akan lihat perkara ini. Insyallah kalau tak tam-



Ismail Sabri (tengah) menyempurnakan perasmian Hospital Daerah Bera, Pahang pada Sabtu. Hadir sama (dari kiri) Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail; Khairy dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Harjeet Singh.

bah begitu drastik sekurang-kurangnya ada sedikit pertambahan bajet (yang dibentangkan) tahun ini berbanding tahun-tahun sebelumnya," katanya pada majlis perasmian Hospital Bera di sini pada Sabtu.

Perdana Menteri berkata, beliau memahami keperluan KKM mendapatkan peruntukan yang tinggi kerana Malaysia akan menjadi negara tua pada tahun 2040, sekali gus berhadapan perbelanjaan kesihatan yang tinggi.

Ismail Sabri berkata, beliau juga menyedari bahawa negara tua lain telah meningkatkan bajet kesihatan

masing-masing kerana terdapat pertambahan kemasukan warga tua di hospital.

Katanya, pembinaan Hospital Bera juga menjadi bukti kesungguhan dan komitmen kerajaan dalam membangun serta menyediakan kemudahan kesihatan, bagi Keluarga Malaysia menikmati perkhidmatan kesihatan yang baik dan berkualiti.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Almarhum Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah yang menjadi tulang belakang penting dalam merealisasikan pembinaan Hospital Bera. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

PM setuju tambah bajet Kementerian Kesihatan



ISMAIL Sabri Yaakob (dua dari kanan) menyaksikan robot yang bernama 'Bella' dalam Majlis Perasmian Hospital Bera di Bera, Pahang, semalam. - MINGGUAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

BERA: Terdapat kewajaran bagi meningkatkan peruntukan kepada Kementerian Kesihatan dalam bajet akan datang untuk memperkasa aspek kesihatan negara, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, pelbagai cabaran termasuk dalam berhadapan negara tua menjelang 2024 sudah tentu memerlukan bajet tambahan dalam aspek kesihatan.

"Saya ingat YB KJ (Khairy Jamaluddin) minta lima peratus daripada GDP (Keluaran Dalam Negara Kasar). Sekarang ini 2.5 peratus, ada separuh lagi.

"Jadi tidak apalah. EPU (Unit Perancangan Ekonomi) akan lihat perkara ini. Insya-Allah kalau tak tambah begitu dras-

tik sekurang-kurangnya akan ada sedikit pertambahan tahun ini," katanya ketika berucap dalam Majlis Perasmian Hospital Bera di sini semalam.

Menurut Ismail Sabri, beliau memahami pelbagai cadangan dibuat Kementerian Kesihatan yang memerlukan peningkatan bajet dan menyokong usaha yang dilakukan kementerian itu.

Beliau menjelaskan antaranya adalah perlunya pencegahan dari segi kesihatan dalam berhadapan dengan fenomena negara tua menjelang 2024.

Justeru katanya, beliau akan memberikan perhatian dan pertimbangan sewajarnya kepada program yang mempunyai sentuhan terhadap rakyat.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Govt mulls Health Ministry's request for bigger budget

BERA: The government is prepared to consider increasing the allocation for the Health Ministry (MOH) in Budget 2023 which is expected to be tabled in October, says the Prime Minister.

This is because the MOH is one of the important ministries that deals directly with the people, said Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"During the recent coordination meeting of the development projects under 12th Malaysia Plan, I was informed that MOH needs to be assisted in the upcoming Budget.

"YB KJ (Health Minister Khairy Jamaluddin) has asked for the expenditure to be increased to 5% of the GDP. Right now, it's 2.5%, there's another half.

"The EPF (Economic Planning Unit) will look into this. God willing, there will be at least a slight increase in the Budget this year compared to previous years," he said when opening the Bera Hospital here yesterday.

The Prime Minister said he understood the need for the higher allocation because Malaysia would be an aged country in 2040, which would lead to high health expenses, reported Bernama.

He also realised that other aged



countries had increased their respective health budgets because there was an increase in the number of elderly people admitted to the hospitals.

The construction of Bera Hospital is also proof of the government's seriousness and commitment in developing and providing quality health services, he added.

"The construction project has been abandoned for a long time due to the failure of the contractor.

Alhamdulillah, the hospital is finally ready. I want to congratulate the Health Ministry, Works Ministry and other stakeholders for working together to finish the construction of Bera Hospital," he said.

Ismail Sabri also expressed his appreciation to the late Sultan Ahmad Shah who was an important figure behind the realisation of the hospital.

Meanwhile, Khairy said an operating theatre (OT) with an estimated

cost of RM9mil will be built at Bera Hospital to complement existing facilities.

He added that the operating room will act as a support facility for OT services at Temerloh's Sultan Haji Ahmad Shah Hospital, which he said has reached an optimum level, in turn, easing the hospital's burden.

"Bera Hospital has a capacity of 40 beds and can be expanded further to accommodate 60 beds in

How are you?: Ismail Sabri (fourth left) chatting with a young patient at the paediatric ward in Bera Hospital. With him are (from right) Pahang Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail and Khairy.

the future.

"In addition, the hospital will also provide out-patient and in-patient care, diagnostic and treatment, medical support services, and non-medical support services," he said in his speech at the official opening of the hospital.

Khairy said Bera Hospital, approved under the Ninth Malaysia Plan (9MP), began operations on July 1 with the opening of the 24-hour Emergency and Trauma Unit and Patient Assessment Centre.

Khairy said two more health facilities are expected to be completed in Pahang this year, namely the health clinic and quarters in Raub, expected to be completed early next month and the haemodialysis building upgrade at Raub Hospital, expected to be completed in November.

He said the health clinic and quarters in Kampung Temai, Pekan, and the one in Kampung Chagar Perah 6, Kuala Lipis, began operations in July.

Watch the video
TheStarTV.com



AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

'Discard old vapes properly'

Safe disposal of ecigarettes overlooked, say waste handling experts

By JUNAID IBRAHIM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: While vape users are aware of the danger of disposing the device into general waste, they lack the idea on how to properly do it.

"There is no instruction from the manufacturers. So, I threw it together with my household trash," said a vape user, who wished to be known as Jeronimo, 26.

A senior executive in Kuala Lumpur known as Mel, 29, said her old vape devices are piling up at her place while she figures out how and where to properly dispose of them.

"I don't want to simply throw it away because the batteries could harm the environment," she added.

Waste management expert Dr Theng Lee Chong said lithium batteries in ecigarettes, along with batteries used for most electronic devices, when improperly disposed of is harmful to the environment.

Theng said the battery from ewaste that usually ends up in landfills would leak and seep into ground water sources that could cause contamination and a health hazard.

He added that a long-term ewaste management plan should be put in place to address not only ecigarettes waste but also common household ewaste.

According to US-based anti-tobacco group, Truth Initiative, ecigarettes introduced plastic, nicotine



No clear guidelines: Some vape users throw their used devices into the general waste as they aren't aware of the proper way.

salts, heavy metals, lead, mercury and flammable lithium-ion batteries into waterways, soil, and to wildlife.

"Ecigarettes left on the street eventually break down into microplastics and chemicals that flow into storm drains, which would pollute our waterways and wildlife," it added.

A survey by the group revealed that only 15% of young ecigarette users, aged 15-24, in the United States reported disposing of empty pods or disposable vapes by dropping them off or sending them for electronic recycling.

With the rise of even more convenient closed-system ecigarettes,

more people are disposing of the devices to general waste bins when the device could possibly be hazardous.

Closed-system or disposable vape is a type of ecigarettes that is already filled with vape liquids and easily disposed of after a certain cycle of usage.

Electronic and E-Waste Recycling (ERTH) founder and managing director Mohamed Tarek El-Fataury said the centre received only up to two requests per month from vape users to dispose of their used devices.

"I am sure majority of disposable vape users are still disposing in general waste," he added, whose centre

is based in Cyberjaya, Selangor.

He also added that recyclers were in a dilemma as there was no efficient economic model that allows for the collection and recycling of large amounts of used vape products, while concerned of the environmental hazard it poses if disposed of as general waste.

"Our licensed processing partner indicated that disposable vapes are not recyclable and discouraged us from collecting them.

"We still accept them in small amounts on a drop-off basis but we don't offer free pickup for them like we do for other ewaste," he said.

Mohamed Tarek urged the government to introduce extended producers' responsibility (EPR) to companies by forcing them to offer collection of old devices and pay the proper disposal fees.

"This will also pressure them to improve the product design to reduce the environmental pollution of their products and therefore reduce their cost of EPR compliance," he added.

EPR is a concept in which manufacturers of electrical and electronic equipment have a responsibility to ensure proper electronic waste management after the end-of-life of the product.

Universiti Kebangsaan Malaysia public health expert, Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, said large quantity of vape waste products would potentially become hazardous to the environment.

Helping smokers quit should be part of end game

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysia must also come up with solid plans to manage tobacco addiction besides just imposing a blanket ban on smoking and vaping, said a public health expert.

Malaysia Society for Harm Reduction chairman Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said a strong mechanism needs to be put in place to help chronic smokers kick the habit.

"While the government's proposed generational end game (GEG) is to impose a total ban on cigarettes and smoking for youngsters who are born after 2007 is good, there needs to be a mechanism where chronic smokers can fall back on."

"We need to help those who already have tobacco or nicotine addiction to quit, and for this, we should encourage the usage of harm reduction products that can assist with this," said Dr Shariza, a public health professor from Universiti Kebangsaan Malaysia.

She said countries like New Zealand and Britain have allowed vaping – albeit with some regulation – to help smokers quit smoking.

Dr Shariza added that there should not be a total ban on cigarette alternatives if it could genuinely be used to help someone with the addiction.

"Even with a total prohibition on tobacco products, people will still find a way to gain access to it or find illicit products."

"So for those with addiction, we need them to switch from cigarettes to less harmful products. In the long run, they would quit altogether, that is the end game."

"Until we come to a point where we can say we have won the war against tobacco, we need to keep these options that help addicts," said Dr Shariza.

While acknowledging the Health Ministry may offer some products under its Nicotine Replacement Therapy (NRT), she said having more options will be beneficial to help those trying to

quit smoking.

"We have had NRT for many years and has it helped to stop addiction totally?"

"Also, NRT may be given to smokers for free at the hospital the first time. But subsequently, they have to buy it, and it is not cheap," said Dr Shariza, who nonetheless argued that vaping and ecigarettes need to be regulated, such as done in countries like Britain.

"In Malaysia, vape products are not currently regulated, so the products that you find on the market today could be harmful."

"Sometimes, products are listed as 'no nicotine', but there is no regulatory body to certify that."

"Britain has some

of the best guidelines which Malaysia can follow. For example, they restrict ecigarette tanks to a capacity of no more than 2ml, while certain ingredients, including colourings, are banned while labels must come with warnings.

"This is something the Health Ministry must strongly look into."

The GEG Bill aims to ban smoking and the sale of tobacco products to people born from 2007 onwards.

The Bill is expected to be re-tabled in the October parliamentary session.

